

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2/2003**

### **KEISTIMEWAAN BAGI PEMAJU-PEMAJU YANG MENYERTAI EXPO HARTANAH MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

---

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah bahawa Kerajaan Negeri telah memberi kelonggaran terhadap dasar keistimewaan bagi pemaju-pemaju yang menyertai EXPO Hartanah Malaysia Peringkat Negeri Kelantan sebagaimana yang ditetapkan melalui Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bil. 2/2002.

2. Mengikut para 3.5 pekeling tersebut, Orang Melayu Bukan Anak Kelantan dibenarkan membeli rumah tanpa kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan jika memenuhi kesemua syarat-syarat di para 3.5 (a), (b), (c) dan (d).

3. Sehubungan dengan itu Persatuan Pemaju-Pemaju Perumahan (REDHA) telah membuat rayuan melalui Jawatankuasa Perunding Pentadbiran Tanah Negeri Kelantan untuk melonggarkan syarat-syarat di para 3.5 tersebut.

4. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 16hb. Julai 2003 setelah menimbang Kertas 14/769/2003 dan telah membuat keputusan bersetuju dengan kelonggaran yang dipohon. Dengan itu para 3.5 Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bil. 2/2002 adalah dipinda dan dibaca sebagaimana berikut :-

“ 3.5 Orang-Orang Melayu Bukan Anak Kelantan dibenarkan membeli rumah tanpa kelulusan MMK jika memenuhi salah satu syarat berikut :-

- a) Beristeri @ Bersuami dengan Orang Peranakan Kelantan atau
- b) Bekerja dengan Kerajaan atau Agensi Kerajaan di Kelantan atau
- c) Mempunyai pertalian mengikut waris terdekat sebagaimana Pek.PTG.4/94 dengan Seorang Peranakan Kelantan dan
- d) Bayaran Sijil Kebenaran Pindahmilik tanah dibawah Seksyen 104, Enakmen Tanah Kelantan 1938 tidak dikecualikan ”.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta. Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 2/2002 dengan ini dipinda dan Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan sebagaimana pindaan yang tersebut di atas.

.....  
**(Abdul Halim Bin Hj.Ahmad)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**KEPADA:**

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

BERTARIKH : 10 ogos 2003